

(3 Februari 2021) Kosmo, P. 4.

Larangan rentas negeri, aktiviti sosial masih berkuat kuasa

PKP disambung sehingga 18 Februari

Oleh RASDAN AHMAD dan
AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

PETALING JAYA – Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara kecuali Sarawak yang sepatutnya berakhir Khamis ini disambung untuk tempoh dua minggu lagi bermula 5 Februari sehingga 18 Februari depan.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu diambil atas penilaian risiko dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan (KKM) yang menyaksikan trend peningkatan kes di semua negeri.

“KKM mengesahkan kes harian di semua negeri masih menunjukkan trend peningkatan dengan kadar positifitinya dalam kluster adalah 20 hingga 40 peratus, malah penularan sporadik dalam komuniti juga tinggi yang melibatkan warga negara dan juga yang bukan warganegara.

“Sehubungan itu sidang khas hari ini (semalam) bersetuju untuk melanjutkan PKP 2.0 di seluruh negara bermula dari 5 Februari hingga 18 Februari kecuali kawasan-kawasan di Sarawak yang telah diisytihar-



TREND peningkatan kes positif di semua negeri kecuali Sarawak mendorong kerajaan melanjutkan tempoh PKP 2.0 bagi mengekang penularan wabak Covid-19. – ZULFADHLI ZAKI

kan di bawah PKP Bersyarat (PKPB),” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri memberitahu, kegiatan rentas

negeri dan aktiviti sosial masih tidak dibenarkan, kerana rekod menunjukkan peningkatan kes positif berpunca dari dua aktiviti itu.

“Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sebelum ini, kita melonggarkan peraturan dengan membenarkan rentas negeri dan dae-

rah. Hasil daripada longggaran itu, menyaksikan peningkatan kes positif secara mendadak.

“Justeru, dalam pelaksanaan PKP 2.0 ini, kita tidak akan melonggarkan peraturan, malah mengekalkan larangan rentas negeri dan aktiviti sosial sehingga keadaan reda mengikut hasil penilaian risiko KKM,” katanya.

Bagaimanapun katanya, sektor ekonomi terutamanya perniagaan mikro dibenarkan untuk beroperasi.

Dalam perkembangan sama, Ismail Sabri berkata, kajian berkenaan jumlah denda dan kompaun baharu bagi individu yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) sedang dilakukan peguam negara.

“Ketika ini pihak peguam negara sedang buat kajian dan draf terakhir mengenai jumlah denda dan kompaun terhadap kesalahan individu yang melanggar SOP.

“Setiap hari ada sahaja individu yang melanggar SOP, pengumuman akan dilakukan sedikit masa lagi.

“Pengumuman tersebut akan dibuat oleh saya atau Menteri Kanan Undang-Undang, Datuk Seri Takiyuddin Hassan,” jelasnya.